

SULIT
PENDIDIKAN
MORAL
2014



SEKOLAH KEBANGSAAN JALAN PASAR (1)
55100 KUALA LUMPUR

UJIAN BULANAN 1 (MAC 2015)

NAMA: _____

KELAS: _____

1 Jam

PENDIDIKAN MORAL

TAHUN 6

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

Maklumat untuk calon

1. *Bahagian ini mengandungi 4 Bahagian.*
 2. *Bahagian A mengandungi soalan objektif diikuti oleh empat pilihan jawapan iaitu A,B, C dan D. Pilih jawapan yang betul. Sila jawab Bahagian B dan C dengan arahan yang diberi.*
 3. *Masa yang dicadangkan untuk bahagian ini ialah 1 jam.*
 4. *Sekiranya kamu tidak dapat menjawab sesuatu soalan, teruskan menjawab soalan berikutnya.*
 5. *Serahkan kertas jawapan kepada pengawas peperiksaan pada akhir peperiksaan.*
-
-

Kertas soalan ini mengandungi 6 halaman bercetak termasuk muka depan.

Disediakan oleh:

Disemak oleh:

Disahkan oleh:

Ani bt Miswadi

Guru M/P Pendidikan Moral
Tahun 6B

BAHAGIAN A: SOALAN OBJEKTIF (20 MARKAH)

ARAHAN: Baca dan jawab semua soalan-soalan berikut dengan teliti. Hitamkan jawapan anda pada kertas jawapan yang disediakan.

1. Kita perlu mensyukuri nikmat kesihatan badan yang dikurniakan oleh _____
 - a. Ibu bapa
 - b. Tuhan
 - c. Rakan
 - d. Guru

2. Kebersihan fizikal bermaksud kebersihan dan kekemasan _____.
 - a. Mental
 - b. Kelas
 - c. Padang
 - d. Diri

3. Perbuatan _____ adalah contoh perbuatan menjaga maruah diri yang digalakkan oleh agama.
 - a. Beradab sopan
 - b. Meninggi diri
 - c. Berlagak sombong
 - d. Menipu

4. Stephanie rajin _____ pelajaran sebelum peperiksaan untuk mendapat keputusan yang cemerlang.
 - a. Bercerita
 - b. Menyesuaikan
 - c. Mengulangkaji
 - d. Menyediakan

5. Mereka yang mengamalkan nilai _____ sentiasa beradab sopan dan menggunakan bahasa yang sopan dalam pergaulan mereka.

- a. Kasih sayang
- b. Rajin
- c. Bertimbang rasa
- d. Hemah tinggi

6. Leela dipulaukan oleh rakan-rakannya kerana menghidap penyakit HIV/AIDS

Apakah yang sepatutnya dilakukan oleh rakan-rakan Leela?

- I. Mengejek dan mentertawakan Leela
- II. Memberi sokongan moral kepada Leela
- III. Menceritakan penyakit Leela kepada orang lain
- IV. Mengajak Leela bermain bersama-sama

- a. I dan II
- b. I,II dan IV
- c. II dan IV
- d. II,III dan IV

7. Berikut merupakan kebaikan amalan jujur dalam kehidupan kecuali

- a. Dipercayai oleh rakan dan masyarakat sekeliling
- b. Dapat menjalankan tanggungjawab dengan amanah
- c. Dapat membantu orang tua dengan ikhlas
- d. Dipandang mulia oleh masyarakat

8. Rakyat Malaysia yang baik hati telah _____ bantuan kewangan kepada mangsa Tsunami di Aceh.

- a. Menghulurkan
- b. Mengambil
- c. Berkongsi
- d. Menggunakan

9. Kita hendaklah _____ di atas jasa dan pengorbanan bapa kemerdekaan negara, Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj.

- a. Bertimbang rasa
- b. Mengenang budi
- c. Berterima kasih
- d. Berkongsi cerita

10. Seorang bapa yang baik tidak akan _____ kasih sayang kepada anak-anaknya.

- a. Memberikan
- b. Membeza-bezakan
- c. Menghulurkan
- d. Memberitahu

11. Jessica berdepan masalah dengan rakan-rakan sekelasnya di sekolah¹¹.

Tindakan yang boleh diambil oleh Jessica ialah

- I. Meminta pendapat/pandangan ibunya
- II. Berkongsi masalah tersebut dengan ayahnya
- III. Menceritakan keburukan rakannya kepada guru
- IV. Memencilkan diri kerana kesedihan

- a. I dan II
- b. II dan III
- c. I dan IV
- d. II dan IV

12. Pilih cara-cara yang menunjukkan seseorang individu menyayangi keluarga mereka.

- I. Bersedia membantu ahli keluarga
- II. Patuh nasihat ibu bapa
- III. Tidak menghiraukan masalah yang dhadapi oleh ahli keluarga
- IV. Menghormati ahli keluarga

- a. I,II dan III
- b. II, III dan IV
- c. I,II dan IV
- d. I,III dan IV

13. Pemimpin yang _____ sentiasa mengambil berat akan kesusahan dan masalah yang dihadapi oleh rakyat.

- a. Berfikiran terbuka
- b. Jujur
- c. Amanah
- d. Prihatin

14. Kita boleh mengamalkan nilai semangat bermasyarakat dengan mengamalkan nilai-nilai murni dibawah kecuali:

- a. Memberikan kerjasama dalam menyelesaikan masalah
- b. Hidup bertolak ansur antara satu sama lain
- c. Tidak mengambil tahu perihal jiran tetangga
- d. Saling bantu-membantu

15. Antara berikut, yang manakah **BUKAN** masalah gejala sosial yang melanda negara kita?

- a. Vandalisme
- b. Meniru
- c. Gengsterisme
- d. Buli

16. Antara tindakan berikut, yang manakah **BOLEH** diambil bagi memastikan perkara diatas tidak berlaku.

- a. Mengitar semula bahan buangan
- b. Membela ikan di dalam sungai
- c. Membuang botol plastik di dalam sungai
- d. Membina kilang berdekatan dengan sungai

17. Berikut adalah beberapa jenis tumbuh-tumbuhan yang mengalami kepupusan **KECUALI**:

- a. Pokok bakau
- b. Pokok limau
- c. Periuk kera
- d. Pokok palma

18. Seseorang yang ingin bercuti ke luar negara hendaklah mempunyai _____ terlebih dahulu.

- a. Sijil lahir
- b. Kad pengenalan
- c. Pasport antarabangsa
- d. Lesen memandu

19. Antara perlakuan di bawah, yang manakah menunjukkan sikap pemimpin yang bertanggungjawab kepada negara?

- a. Mempertahankan rahsia negara dari pihak luar
- b. Memberitahu maklumat sulit kepada negara lain
- c. Mendedahkan rahsia negara kepada pihak luar
- d. Memburuk-burukkan nama negara

20. Antara berikut, yang manakah kebaikan mengekalkan perpaduan kaum?

- I. Masyarakat mementingkan diri masing-masing
 - II. Dapat hidup aman dan damai
 - III. Mengelakkan ancaman luar
 - IV. Keharmonian negara
-
- a. I,II dan III
 - b. II,III dan IV
 - c. I,II dan IV
 - d. I,II,III dan IV

BAHAGIAN B: 5 SOALAN STRUKTUR (60 MARKAH)

Jawab soalan-soalan berikut.

1. Peperangan membawa banyak kesan negatif. Kita sebagai rakyat Malaysia patut bersyukur kerana negara kita aman dan damai tanpa peperangan. Tuliskan peta iThink yang sesuai dengan akibat daripada peperangan.

(10 markah)

2. Fahami pantun dan jawab soalan-soalan berikut.

Pergi ke kedai bersama Ramu,
Untuk membeli sebungkus laksa,
Tuntutlah ilmu tanpa jemu,
Jangan mudah berputus asa.

Berehat sebentar di tepi ladang,
Sambil melihat burung berkicauan,
Usaha kecewa jika kecundang,
Sabar menghadapi segala ujian.

Kucing dan anjing berlari-lari,
Sambil mengejar si rama-rama,
Rajin berusaha setiap hari,
Hidup bahagia kejayaan menjelma

2 a) Berdasarkan pantun di atas, apakah sifat yang diperlukan oleh seseorang individu bagi menunjukkan nilai kerajinan. (2 markah)

- i. _____
- ii. _____

2 b) Nyatakan **DUA** kebaikan yang akan diperolehi daripada sifat rajin.

- I. _____
 - II. _____
- (2 markah)

2 c) Bagaimanakah cara untuk menghadapi kekecewaan dan kegagalan?

- i. _____
 - ii. _____
- (2 markah)

2 d) Apakah kesan terhadap individu yang mudah putus asa?

- i. _____
 - ii. _____
- (2 markah)

2 e) Pada pendapat anda, apakah akibat murid yang malas?

- i. _____
 - ii. _____
- (2 markah)

3. Nyatakan cara anda menunjukkan rasa hormat kepada anggota keluarga di bawah.

1. _____
2. _____
3. _____
4. _____
5. _____
6. _____
7. _____
8. _____

(8 markah)

4. Fahami kempen di bawah dan jawab soalan berikut.

KEMPEN “CINTAILAH SUNGAI KITA”

4 a) Apakah yang anda faham tentang kempen di atas?

(2 markah)

4 b) Nyatakan **EMPAT** tindakan anda untuk memastikan kempen di atas berjaya.

- I. _____
- II. _____
- III. _____
- IV. _____

(8 markah)

4 c) Apakah faedah yang diperolehi oleh generasi akan datang jika sungai di negara kita tidak tercemar?

(2 markah)

-SOALAN TAMAT-